

KERATAN AKHBAR

(UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)

Surat khabar: Harian Metro ( Setempat )

Hari/Tarikh: 2/9/2013

Muka surat: 6

Tajuk : Sebak Masuk Universiti Tanpa Ibu Bapa.

**Kota Samarahan:** Ketika pelajar lain ditemani ahli keluarga masing-masing pada sesi pendaftaran kemasukan pelajar baru di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Nur Fazliana Che Mat, 20, ditemani air mata mata kerana menahan sebak mengenangkan ibu dan bapanya yang tidak sempat melihat kejayaan melanjutkan pengajian ke menara gading.

Anak sulung daripada dua beradik kehilangan ibu bapa

yang terbunuh dalam ke- malangan jalan raya pada tahun lalu menyebab dia dan adik kini dipelihara saudara mereka di Kampung Sarang Burung, Kelantan.

"Walaupun kejayaan ini tidak dapat dirai bersama ibu dan ayah, namun saya menganggap ia sebagai hadiah tidak ternilai buat mereka dan akan berusaha sebaik mungkin membalas ja-

sa baik mereka.

"Sebelum ini ini, saya putus harapan mengenangkan nasib menimpa diri, namun peluang keemasan ini tidak akan disia-siakan bagi memastikan masa depan saya dan adik terjamin," katanya ketika ditemui selepas Program Sambutan Pelajar Baharu UNIMAS Ambilan September 2013/2014 di Kolej Cempaka di sini, semalam.

Katanya, dia menggunakan wang hasil titik peluh bekerja sebagai pembantu di sebuah kedai makan di kampungnya.

"Sebaik menamatkan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), saya terus bekerja sebagai pembantu kedai makan bagi menampung perbelanjaan harian selain mengumpul untuk digunakan jika berjaya melanjut-

kan pengajian.

"Syukur dengan wang simpanan sendiri, saya membeli kelengkapan serta menampung perbelanjaan termasuk tiket penerbangan ke Sarawak," katanya.

Seramai 3,968 pelajar baru terdiri daripada 1,244 lelaki dan 2,724 perempuan selain 65 pelajar antarabangsa mendaftar di kampus induk UNIMAS, semalam.



NUR Fazliana